



جابتن حال إحوال إكلام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**IBU AYAH, TALIAN HAYAT
DUNIA DAN AKHIRAT**



Tarikh Bacaan:
8 MEI 2026M / 20 ZULKAEDAH 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Ibu Ayah, Talian Hayat Dunia dan Akhirat

8 Mei 2026M/ 20 Zulkaedah 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ... ﴿٢٣﴾ سورة الإسراء
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ*. Kita laksanakan segala perintah Allah dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh kesejahteraan dalam kehidupan serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum meneruskan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin agar memberikan perhatian sepenuhnya terhadap khutbah pada hari ini. Pinjamkan seketika telinga dan hati. Semoga setiap peringatan yang disampaikan dapat menyentuh jiwa dan mencetuskan kesadaran.

Khutbah Jumaat minggu ini akan membicarakan tajuk: **“Ibu Ayah, Talian Hayat Dunia dan Akhirat”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam kehidupan ini, manusia sentiasa mencari tempat bergantung. Ketika susah, kita mencari bantuan. Ketika lemah, kita mencari kekuatan. Namun dalam kita sibuk mencari sokongan di luar, kita sering terlupa bahawa ibu dan ayah adalah talian hayat yang paling dekat dengan kita.

Mereka bukan sekadar melahirkan dan membesarkan kita, tetapi sentiasa mengiringi kehidupan sejak detik pertama kita mengenal dunia. Mereka bangkit ketika kita tiada daya, menjadi benteng ketika kita lemah dan berjaga saat kita lena.

HADIRIN SIDANG JUMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Adakalanya, kita sering lalai dalam menghargai ibu dan ayah kerana terlalu sibuk dengan urusan dunia, sehingga terlupa mengenang jasa insan yang telah banyak berkorban. Buktinya dalam kehidupan seharian, kita mudah meluangkan masa untuk orang lain, tetapi terasa berat untuk bersama mereka. Kita segera menyahut panggilan dunia, namun sering menangguhkan keperluan ibu dan ayah. Sedangkan suatu ketika dahulu, mereka sentiasa mendahulukan kita tanpa keluh dan resah.

Ini satu realiti yang membimbangkan yang berlaku pada sebahagian kita. Kesibukan mengejar kerjaya dan tuntutan hidup menyebabkan ramai dalam kalangan kita semakin jauh daripada ibu dan ayah. Ada yang hanya mampu bertanya khabar melalui mesej ringkas,

tetapi jarang meluangkan masa untuk pulang menjenguk dan bermalam bersama. Ada ibu dan ayah yang menunggu panggilan anak-anak, namun yang tiba hanyalah kesunyian.

Lebih menyedihkan, terdapat dalam kalangan warga emas yang terpaksa menghabiskan sisa usia di pusat-pusat jagaan. Bukan kerana tiada anak, tetapi kerana kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak sendiri. Inilah hakikat yang perlu kita renungi.

HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah mengangkat kedudukan ibu dan ayah pada tempat yang sangat tinggi. Bahkan perintah berbuat baik kepada mereka disebut seiring dengan perintah mentauhidkan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, seperti firman-Nya yang telah dibacakan dalam mukadimah khutbah yang bermaksud:

“Dan Tuhan kamu telah perintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu sebaik-baiknya...” (Surah Al-Isra’, ayat 23)

Larangan ini menunjukkan bahawa menjaga hati ibu dan ayah bukanlah perkara kecil. Bahkan sekecil-kecil ucapan pun akan diambil kira di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Perintah berbuat baik kepada ibu dan ayah ini bukan sekadar tuntutan yang disebut dalam al-Quran, bahkan realiti yang telah dibuktikan dalam kehidupan generasi terdahulu. Seorang tabi’in bernama Uwais al-Qarni tidak dikenali di bumi, tetapi terkenal di langit kerana

baktinya kepada seorang ibu. Bahkan Rasulullah ﷺ sendiri menyebut tentang kemuliaannya sebagaimana dalam hadis sahih riwayat Imam Muslim. Sabda Rasulullah ﷺ:

لَهُ وَالِدَةٌ هُوَ بِهَا بَرٌّ، لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لَأَبَّرَهُ

Maksudnya: *“Dia mempunyai seorang ibu dan dia sangat berbakti kepadanya. Sekiranya dia bersumpah kepada Allah, nescaya Allah akan memakbulkannya.”* (Hadis Riwayat Muslim)

Kisah ini memberi pengajaran bahawa kemuliaan seseorang bukan terletak pada kemasyhuran, tetapi pada ketaatan dan pengorbanan khususnya kepada ibu dan ayah. Inilah kemuliaan sebenar, bukan pada nama yang disebut manusia, tetapi pada bakti yang Allah reda.

HADIRIN SIDANG JUMAAT YAN DIRAHMATI ALLAH,

Ibu dan ayah bukan sekadar talian hayat di dunia, bahkan menjadi sebab keberkatan hidup dan kebahagiaan di akhirat. Selagi mereka masih hidup, itulah peluang yang Allah berikan untuk kita berbakti dan meraih reda-Nya. Jangan kita bertangguh, kerana apabila mereka telah tiada, yang tinggal hanyalah doa dan harapan.

Oleh itu, hargailah peluang yang masih ada. Jagalah tutur kata, ringankan bebanan mereka dan luangkan masa bersama mereka. Namun jika mereka telah tiada, teruskan berbakti dengan doa dan amal kebajikan. Itulah tanda hubungan yang tidak terputus, bahkan ia merupakan talian hayat yang menghubungkan kita dengan mereka di alam sana.

MUSLIMIN SIDANG HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, berikut beberapa pengajaran untuk renungan bersama:

Pertama: Ibu dan ayah adalah talian hayat yang Allah anugerahkan kepada kita, maka jangan sekali-kali kita memutuskannya.

Kedua: Berbakti kepada ibu dan ayah merupakan perintah besar dalam Islam yang menentukan reda Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Ketiga: Hubungan dengan ibu dan ayah berterusan hingga ke akhirat melalui doa dan amal kebajikan anak-anak.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Isra' ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّبَّانِي صَغِيرًا

Maksudnya: “Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kerendahan diri, dan ucapkanlah (untuk mereka dengan berkata), ‘Wahai Tuhanku, kasihilah mereka berdua sebagaimana mereka telah mendidik aku semasa kecil.’”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَرِزْقَهُ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024 yang bersidang pada 26 November 2024 memutuskan bahawa hukum berkunjung ke rumah ibadat bukan Islam (RIBI) adalah tidak diharuskan kecuali bagi tujuan tertentu seperti pembelajaran dan memahami budaya dengan syarat tidak membawa kepada fitnah, tidak menimbulkan kecenderungan membenarkan amalan keagamaan mereka serta tidak mengabaikan syariat Islam, bahkan kunjungan tanpa tujuan yang jelas adalah tidak digalakkan.

Begitu juga diharamkan membawa kanak-kanak yang belum mumayyiz ke RIBI, berkunjung bagi menyertai upacara keagamaan khususnya pada hari perayaan, memakai pakaian atau simbol agama lain, melakukan ritual seperti menyalakan lilin atau colok, melakukan perbuatan yang mengagungkan berhala, serta bertujuan mencari ketenangan melalui amalan seperti meditasi di RIBI; namun diharuskan pemimpin Islam menghadiri jemputan rasmi dengan menjaga batas syariat tanpa terlibat

dalam ritual, dan dibolehkan mematuhi etika pakaian serta kebersihan yang ditetapkan kerana ia bersifat adat semata-mata.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فَيْمَنُ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَرِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُؤُلَاوٍ فَيَنْعَ آمِنًا مُظْمِنًا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُزَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG